



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan No.18, Persiaran
Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8880 5650
Faks (*Faks*) : 603-8880 5646
Laman Web : www.eaic.gov.my

SIARAN MEDIA

ASLIZA ALI DILANTIK SEBAGAI SETIAUSAHA, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF EAIC

Putrajaya, 17 Julai 2024 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengumumkan pelantikan Puan Asliza Ali sebagai Setiausaha merangkap Ketua Pegawai Eksekutif EAIC berkuat kuasa hari ini. Beliau menggantikan Puan Norhayati Ahmad yang telah kembali bertugas ke Jabatan Peguam Negara pada 18 Ogos 2023.

Puan Asliza Ali berpengalaman luas dalam bidang perundangan menerusi khidmat di Jabatan Peguam Negara sebagai Pegawai Undang-Undang (Gred Utama C) sebagai Ketua Unit di Seksyen Kes-Kes Terkelas, Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara (2020 hingga 2024). Terdahulu, beliau pernah berkhidmat di Bahagian Guaman, iaitu Unit Kontrak dan Kecuaian Perubatan (2017 hingga 2020). Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Guaman Negeri di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Penasihat Undang-Undang Kementerian Pertahanan, Penasihat Undang-Undang Kementerian Belia dan Sukan dan Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Undang-Undang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Timbalan Pendakwa Raya di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Pelantikan ini diharap akan memperkukuh pelaksanaan fungsi dan tadbir urus EAIC sebagai badan pengawasan integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)